

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 15 TAHUN 1979<sup>1</sup>**

**ELAUN KERAIAN**

Tuan,

**Kelulusan Elaun Keraian**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan Elaun Keraian kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam dalam Tingkatan Tertinggi G hingga Tingkatan Tertinggi E dalam Kumpulan A dengan kadar 5% daripada gaji bulanan mereka masing-masing mulai dari 1hb Julai, 1979.

**Bayaran kepada Pegawai Pemangku**

2.1 Pegawai-pegawai yang memangku Tingkatan Tertinggi G, F atau E dengan tujuan kenaikan pangkat adalah juga dibenarkan menerima Elaun Keraian dengan kadar 5% daripada gaji bulanan jawatan yang dipangkunya itu. Pegawai-pegawai yang memangku jawatan Tingkatan Tertinggi D ke atas dalam Kumpulan A dengan tujuan kenaikan pangkat adalah juga dibenarkan menerima Elaun Keraian mengikut kadar-kadar yang ditetapkan dalam perenggan 17 di Lampiran "D" kepada Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan perlaksanaan penyemakan gaji Laporan Jawatankuasa Kabinet bagi jawatan yang dipangkunya itu.

2.2 Pegawai-pegawai yang memangku jawatan Tingkatan Tertinggi dalam Kumpulan A bagi tempoh melebihi 28 hari tanpa tujuan naik pangkat boleh dibayar Elaun Keraian itu dengan kadar 5% daripada matagaji minima bagi jawatan Tingkatan Tertinggi yang diluluskan bagi pangkuannya.

**Cara Pembayaran Elaun Keraian Dalam Tempoh Percutian Pemangku**

3. Seseorang pegawai dalam keadaan yang disebutkan di perenggan 2.1 dan 2.2 di atas yang bercuti selama lebih daripada 28 hari dengan tidak putus-putus di bawah mana-mana peruntukan dalam **Perintah Am Bab C**, termasuk hujung minggu dan hari-hari kelepasan am, akan hanya dibayar Elaun Keraian berdasarkan perkiraan gaji jawatan hakikinya bagi tempoh selama ia bercuti itu.

#### **Tarikh Kuatkuasa Bayaran**

4. Pembayaran Elaun Keraian kepada pegawai-pegawai dalam Tingkatan Tertinggi G hingga Tingkatan Tertinggi E selain daripada mereka yang telah diberi kelulusan Pembayaran Elaun Keraian itu terlebih awal adalah berkuatkuasa mulai daripada 1hb Julai, 1979.

#### **Pegawai Tingkatan Biasa dan Tingkatan Kanan**

5.1 Pegawai-pegawai Kumpulan A yang lain tidak dibayar Elaun Keraian kecuali setelah mendapat kelulusan yang diberi oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 17 di Lampiran "D" kepada Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan bagi melaksanakan penyemakan gaji Laporan Jawatankuasa Kabinet.

5.2 Pegawai-pegawai lain yang terkebawah daripada Tingkatan Tertinggi G yang telah diluluskan Elaun Keraian berdasarkan kepada tugas jawatan mereka yang memerlukan keraian rasmi bolehlah terus dibayar Elaun Keraian itu selagi mereka masih memegang jawatan yang berkenaan.

#### **Am**

6. Dengan keluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kelulusan yang diberi di bawah kuasa surat-surat Perbendaharaan Bil 0.5046 bertarikh 7hb Julai, 1970 dan Bil. 0.5046 (SJ. 1) bertarikh 22hb Ogos, 1970 adalah dibatalkan.

Saya yang menurut perintah,

(NIK MUSA BIN NIK AABDULLAH)

*Bahagian Gaji,*

*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan*

*Awam,*

*Malaysia.*

*17hb. September, 1979<sup>1</sup>*

Dibatalkan menurut PP Bil. 4/80 dan PP Bil 8/80

berkuatkuasa pada 1 Julai, 1980.

Ketua Setiausaha Negara,

Jabatan Perdana Menteri, Jalan Dato Onn,

Kuala Lumpur.

Semua Ketua /Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Akauntan Negara,

Malaysia,

Kuala Lumpur.

Ketua Odit Negara,

Malaysia,

Kuala Lumpur.